

# Zakat Pendidikan Kepada Golongan Asnaf di Malaysia: Peranan dan Cabarannya Pada Masa Kini

**Azman Ab Rahman**  
Fakulti Syariah dan Undang-Undang  
Universiti Sains Islam Malaysia  
azman@usim.edu.my

**SitiMartiah Anwar**  
Fakulti Syariah dan Undang-Undang  
Universiti Sains Islam Malaysia  
martiahanwar@gmail.com

## ABSTRAK

*Pendidikan merupakan keperluan asas bagi setiap insan dan untuk memenuhi keperluan ini ia memerlukan kewangan yang berterusan. Terdapat beberapa golongan yang kurang bernasib baik dari segi kewangan untuk meneruskan pelajaran seperti golongan asnaf fakir dan miskin yang hanya bergantung harap kepada zakat pendidikan untuk melunaskan yuran persekolahan dan mendapatkan bantuan persekolahan. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti peranan zakat pendidikan kepada golongan asnaf di Malaysia melalui skim dan bentuk bantuan zakat pendidikan yang disediakan oleh institusi zakat di Malaysia. Di samping itu untuk membincangkan apakah cabaran-cabaran yang dihadapi oleh institusi zakat di Malaysia dalam menjalankan kewajipan mengagihkan dana zakat pendidikan kepada golongan asnaf pada masa kini. Kajian ini menggunakan metodologi penyelidikan secara kualitatif iaitu dengan mengumpulkan data melalui kajian perpustakaan dan kajian lapangan yang menggunakan kaedah temubual. Manakala metod analisi data menggunakan kaedah induktif. Kajian ini menggunakan 14 sampel iaitu daripada unit Baitulmal, Majlis Agama Islam dan Pusat Zakat di 14 buah negeri di Malaysia. Hasil kajian mendapati bahawa zakat pendidikan memainkan peranan yang sangat penting bagi golongan asnaf dalam membantu membasmi kemiskinan jangka masa panjang dan cabaran yang dihadapi oleh institusi zakat dalam mengagihkan dana zakat pendidikan seperti hasil kutipan zakat yang semakin meningkat tahun demi tahun dan kurangnya permohonan zakat pendidikan dari golongan asnaf dapat di atasi dengan mengambil beberapa pendekatan yang lebih efektif. Kajian ini turut mencadangkan beberapa pendekatan yang boleh diambil bagi menghadapi cabaran masa kini sebagai salah satu usaha untuk memastikan peranan zakat pendidikan tercapai selari dengan objektif pensyariaan zakat kepada umat Islam disepanjang zaman.*

## 1. Pendahuluan

Zakat merupakan satu ibadah utama dan tonggak kewangan serta jaminan sosial dalam Islam. Ia telah disebutkan dalam Al-Quran dan Hadis (Muhammad Ramzi Omar, 2004). Zakat diberikan kepada lapan golongan asnaf iaitu kepada golongan fakir, miskin, muallaf, fisabilillah, ibnu sabil, riqab, gharimin dan amil. Zakat yang diberikan kepada lapan golongan asnaf ini adalah sebagaimana dalam firman Allah SWT dalam surah al-Taubah: 60:

إِنَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَامِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ فُلُوقِهِمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَارِمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَابْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ

Maksudnya: "Sesungguhnya zakat itu hanyalah untuk orang-orang fakir, orang miskin, amil zakat, yang dilunakkan hatinya (muallaf), untuk memerdekakan hamba sahaya, untuk membebaskan orang yang berhutang, untuk yang berada di jalan Allah dan untuk orang yang sedang di dalam perjalanan sebagai kewajiban dari Allah. Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana".

Kesemua golongan asnaf ini kecuali amil dan riqab kebanyakannya terdiri daripada pelajar-pelajar sama ada di sekolah rendah, menengah dan institusi pengajian tinggi. Bantuan zakat dari segi pendidikan turut disalurkan kepada golongan asnaf ini bertepatan dengan kehendak hukum syarak yang mementingkan umat Islam supaya gigih menuntut ilmu tidak kira kaya atau miskin. Seperti yang telah diriwayatkan oleh As-Suyuti dan Tabrani iaitu :

طلب العلم فريضة على كل مسلم

Maksudnya: Menuntut ilmu adalah kewajiban bagi setiap orang Islam (As-Suyuti, t.t.)

Golongan fakir dan miskin atau golongan asnaf ini juga berhak untuk menuntut ilmu walaupun mengalami masalah dari segi kewangan untuk membayar yuran persekolahan dan pengajian. Terdapat beberapa kes melibatkan golongan fakir dan miskin yang berhenti sekolah dan tidak dapat meneruskan persekolahan disebabkan oleh masalah kewangan direkodkan dan mendapat liputan yang meluas oleh pihak media. Sebagai contoh, seorang anak sulung daripada lima beradik di Kuantan iaitu Mohd Abu Khir Abu Bakar yang merupakan pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sultan Abu Bakar tidak dapat meneruskan pelajaran kerana gagal menjelaskan yuran Peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) manakala dua adiknya yang lain sering tidak menghadiri diri ke sekolah kerana malu dengan rakan-rakan yang mereka adalah orang miskin (Sinar Harian, 28 Februari 2013).

## 2. Metode Kajian

Penyelidik bagi kajian ini memilih untuk menggunakan kaedah kajian secara kualitatif. Penyelidikan secara kualitatif ini bertujuan untuk memahami secara mendalam fenomena berkaitan persoalan kajian (Merriam, 2002). Metode penyelidikan secara kualitatif ini juga bertujuan untuk meneroka penyelidikan sarjana berkaitan konsep zakat di Malaysia, skim dan bentuk bantuan zakat yang diberikan oleh institusi zakat di Malaysia kepada golongan asnaf zakat.

Pengumpulan data dalam kaedah kualitatif adalah melalui kajian perpustakaan dan kajian lapangan yang menggunakan kaedah temubual (*interview*). Manakala metod analisis data menggunakan kaedah induktif. Kajian ini menggunakan 14 sampel iaitu daripada unit Baitulmal, Majlis Agama Islam dan Pusat Zakat di 14 buah negeri di Malaysia.

### 2.1 Metode Pengumpulan Data

Metod pengumpulan data dalam penyelidikan ini menggabungkan dua bentuk penyelidikan utama iaitu kajian perpustakaan (*library research*) dan kajian lapangan (*field research*).

#### 2.1.1 Kajian Perpustakaan (*Library Research*)

Data melalui kaedah ini diperolehi dengan melakukan kajian ke atas rekod dan dokumen-dokumen bertulis. Antara bahan atau dokumen dan rekod yang dirujuk adalah bahan bacaan yang berkaitan dengan zakat, kajian-kajian lepas, dalil dari al-Quran dan hadis, laporan institusi zakat, monograf dan sebagainya. Data yang diperolehi dari sumber-sumber yang dinyatakan di atas dikaji semula dan menjadi panduan kepada pembinaan model institusi pendidikan melalui pembiayaan dana zakat.

### *2.1.2 Kajian Lapangan (Field Research)*

Kajian lapangan digunakan dalam penyelidikan ini adalah untuk melengkap data perpustakaan selain membantu penyelidik untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang baru. Penyelidik dalam kaedah ini menggunakan kaedah temubual (*interview*). Dalam kaedah ini, penyelidik menemubual pegawai di unit baitulmal dan pusat zakat di negeri-negeri seluruh Malaysia untuk mendapatkan penjelasan tentang skim dan bentuk bantuan zakat pendidikan yang diberikan kepada asnaf zakat. Di samping itu, penyelidik juga mendapatkan maklumat tentang statistik kutipan dan agihan zakat pendidikan bagi setiap tahun di kesemua negeri di Malaysia bagi melihat potensi penubuhan institusi pendidikan sekiranya dibiayai sepenuhnya melalui dana zakat.

### *2.2 Metode Analisis Data*

Dalam menganalisis data, penyelidik secara umumnya menggunakan metode analisis deskriptif kualitatif iaitu dengan menilai mutu dan kesahihan data tersebut. Untuk menilai mutu dan kesahihan data ini adalah dengan menggunakan kaedah induktif. Metod ini adalah satu kaedah untuk menganalisa data yang terhasil melalui teori-teori dan pemikiran yang ada iaitu membuat kesimpulan yang bersifat khusus. Berdasarkan kaedah ini juga, maklumat yang diperolehi ini digunakan untuk menganalisa operasi model institusi pendidikan melalui pembiayaan dana zakat.

## **3.Keputusan Kajian dan Perbincangan**

Kajian ini dimulakan dengan mengenalpasti skim dan bentuk bantuan zakat pendidikan yang diberikan kepada golongan asnaf zakat di seluruh negeri di Malaysia seterusnya menganalisa peranan zakat pendidikan kepada golongan asnaf zakat di Malaysia dan cabaran yang dihadapi pada masa kini. Di akhir kajian ini pula, beberapa pendekatan atau usaha yang boleh dilakukan oleh institusi zakat sebagai satu inisiatif dan jalan alternatif bagi memastikan zakat pendidikan dapat diagihkan dengan efektif kepada asnaf zakat di Malaysia adalah dicadangkan.

### *3.1 Skim Dan Bantuan Pendidikan Kepada Asnaf Fakir Dan Miskin*

Berdasarkan pemerhatian penyelidik dalam laman sesawang, *pamphlet* dan *brochure* Pusat Zakat dan unit baitulmal, Majlis Agama Islam Negeri di 14 buah negeri di Malaysia, penyelidik mendapati bahawa kesemua negeri telah memperuntukkan sejumlah peruntukan dalam bentuk bantuan zakat pendidikan kepada golongan asnaf.

Sebagai contoh negeri Sabah telah memperuntukkan pelbagai jenis bantuan dalam pendidikan antaranya ialah bantuan tiket penerbangan (Pendidikan) IPTA/IPTS dalam dan luar negara terpilih, bantuan yuran pendaftaran (IPTA/IPTS) dalam negara, bantuan dermasiswa-matrikulasi/asasi, bantuan dermasiswa-sijil/maahad tahfiz/sekolah pondok (tahfiz), bantuan dermasiswa- diploma dalam negeri (IPTA/IPTS), bantuan dermasiswa- ijazah pertama dalam negeri (IPTA/IPTS), bantuan dermasiswa- tamhidi dan ijazah pertama bidang keagamaan (mesir),bantuan dermasiswa- ijazah pertama bidang keagamaan (Jordan), bantuan dermasiswa-ijazah perubatan, pergigian dan farmasi (Mesir), bantuan dermasiswa- ijazah perubatan (Jordan), bantuan dermasiswa-ijazah pertama bidang keagamaan (Indonesia), bantuan dermasiswa- ijazah pertama bidang keagamaan (mesir),bantuan dermasiswa- ijazah pertama bidang keagamaan (Jordan), bantuan dermasiswa-ijazah perubatan, pergigian dan farmasi (Mesir), bantuan dermasiswa- ijazah perubatan (Jordan), bantuan dermasiswa-ijazah pertama bidang keagamaan (Indonesia), bantuan dermasiswa-ijazah pertama bidang perubatan (Indonesia), bantuan dermasiswa- ijazah pertama bidang keagamaan (Morocco), bantuan dermasiswa- politeknik, UiTM (Diploma), bantuan dermasiswa-ILD,

IKMAS (Sijil), bantuan dermasiswa-ILD, IKMAS (Diploma), bantuan dermasiswa-IDIP, PERKIM (Sijil), bantuan dermasiswa-IDIP, PERKIM (Diploma), bantuan khas pendidikan, bantuan bayaran kelas tuisyen, bantuan seminar motivasi pelajar dan bantuan insentif/anugerah pelajar cemerlang(Pusat Zakat Sabah, 2014).

Skim bantuan zakat pendidikan negeri Sabah dilihat lebih menyeluruh dan merangkumi pelbagai aspek dan keperluan asnaf dalam pendidikan. Walaubagaimanapun terdapat juga beberapa aspek pendidikan yang lain yang turut membantu golongan asnaf dalam pelajaran seperti yang diberikan oleh negeri Johor dalam memberi bantuan pendidikan melalui skim bantuan basikal pelajar, skim bantuan cermin mata (Majlis Agama Islam Negeri Johor dalam 'Panduan Permohonan Bantuan Zakat').

Manakala di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, skim dan bantuan turut diberikan kepada pelajar kejururawatan melalui bantuan pelajaran kolej kejururawatan PUSRAWI. Skim ini merupakan satu-satunya skim yang agak berbeza dengan skim dan bantuan pendidikan yang ditawarkan kepada golongan asnaf zakat. Skim dan bantuan zakat pendidikan di negeri-negeri yang lain adalah tidak jauh berbeza antara satu sama lain dan skim atau bentuk bantuan pendidikan ini dapat dirumuskan seperti dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Jenis Skim dan Bentuk Bantuan Pendidikan oleh Institusi Zakat di Malaysia

Bil	Negeri	Skim dan bentuk bantuan pendidikan	Asnaf
1	Selangor	Keperluan Pendidikan, Bantuan Yuran Sekolah Rendah dan Menengah, Biasiswa Pelajaran, Elaun Kehadiran Kelas Agama Asas, Dermasiswa, Bantuan Umum Pelajaran, Elaun Guru KAFA, Bantuan Umum Pelajaran Dalam dan Luar Negara, Dermasiswa Pelajar Belajar di Timur Tengah, Dermasiswa Hufaz Quran.	Fakir dan Miskin, <i>Mualaf, Fisabilillah</i>
2	Negeri Sembilan	Pinjaman dan bantuan zakat pelajar Timur Tengah tajaan MAINS kali ke-2 dan bantuan perkapita Sekolah SMAN, SABK, SAR, KAFA, Tahfiz dan Tadika Islam Tahun 2013 di Royale Bintang, Seremban.	Fakir dan Miskin, <i>Fisabilillah</i>
3	Johor	Skim Bantuan Pelajaran, Skim Bantuan Pendidikan Pendaftaran IPTA, Skim Bantuan Awal Tahun Persekolahan (Pakaian Seragam), Skim Bantuan Basikal Pelajar, Skim Bantuan Cermin Mata, Skim Bantuan Pendidikan di Universiti, Skim Bantuan Pembiayaan Tambang Ke Pusat Pengajian, Skim Pinjaman Pengajian.	Fakir dan Miskin
4	Kelantan	Bantuan Persekolahan, Bantuan Melanjutkan Pelajaran ke Institut Pengajian Tinggi Tempatan (IPT), Biasiswa Kecil Pelajar Yayasan Islam Kelantan (YIK), Bantuan Kepada Sekolah Pondok, Biasiswa Tengku Anis.	Fakir dan Miskin
5	Terengganu	Bantuan Persekolahan, Skim Bantuan Dermasiswa (IPTA/IPTS), Skim Bantuan Pondok/Madrasah.	Fakir dan Miskin
6	Kuala Lumpur	Bantuan Tambang Dalam/ Luar Negeri, Bantuan Am Pelajaran IPT, Bantuan Pelajar Institut Profesional Baitulmal (IPB), Biasiswa Baitulmal/Insentif Khas Pelajar Cemerlang, Bantuan Peralatan dan Kecemasan Persekolahan, Bantuan Tuisyen, Bantuan Galakan Hafaz Al-Quran, Bantuan Pelajaran Kolej Kejururawatan PUSRAWI, Bantuan Persediaan IPT.	Fakir dan Miskin
7	Perlis	Bantuan Pakaian Sekolah, Bantuan Persekolahan Menengah dan Rendah, Bantuan Sekolah, bantuan Pelajaran, Bantuan Pelajaran	Fakir dan Miskin

		Timur Tengah, Bantuan Sekolah dan Institusi Agama.	
8	Pulau Pinang	Bantuan Pendidikan, Persekolahan, Pakaian Seragam, Permulaan ke IPT Dalam dan Luar Negara, Biasiswa Kecil Sekolah Agama Rakyat, Pendidikan Khusus Kecemerlangan Minda, Kelas Persediaan Belajar, Bantuan Yuran Sekolah Rendah/Menengah, Bantuan Keperluan Pendidikan.	Fakir dan Miskin
9	Sarawak	Bantuan Kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi, Bantuan Pengajian Sekolah Rendah/Menengah, Yuran/Kelengkapan Persekolahan, Bantuan Pengajian ke Timur Tengah, Bantuan Pengajian IPT Bidang Agama, Bantuan Pengajian Sekolah Agama/Arab, Bantuan Pengajian Maahad Tahfiz Al-Quran, Bantuan Kertas Kerja Projek (Tesis).	Fakir dan Miskin, <i>Fisabilillah</i>
10	Kedah	Bantuan Yuran Peperiksaan Penuntut Miskin Sekolah Agama Nidzomi, Bantuan Penuntut Miskin Sekolah Agama Nidzomi, Bantuan Persekolahan Bulanan, Bantuan Persekolahan Sekaligus Penuntut Miskin, Bantuan Pakaian Seragam Sekolah Penuntut Miskin, Bantuan Penuntut Miskin Maktab Mahmud, Bantuan Yuran Penuh ke IPT Tempatan Penuntut Miskin.	Fakir dan Miskin
11	Melaka	Bantuan Kelas Tuisyen dan Motivasi Pelajar, Pembiayaan Pinjaman Biasiswa Pengajian Tinggi Islam, Bantuan Yuran Persekolahan.	Fakir dan Miskin
12	Sabah	Bantuan tiket penerbangan (Pendidikan) IPTA/IPTS dalam dan luar negara terpilih, bantuan yuran pendaftaran (IPTA/IPTS) dalam negara, bantuan dermasiswa-matrikulasi/asasi, bantuan dermasiswa-sijil/maahad tahfiz/sekolah pondok (tahfiz), bantuan dermasiswa- diploma dalam negeri (IPTA/IPTS), bantuan dermasiswa- ijazah pertama dalam negeri (IPTA/IPTS), bantuan dermasiswa- tamhidi dan ijazah pertama bidang keagamaan (Mesir), bantuan dermasiswa- ijazah pertama bidang keagamaan (Jordan), bantuan dermasiswa-ijazah perubatan, pergigian dan farmasi (Mesir), bantuan dermasiswa- ijazah perubatan (Jordan), bantuan dermasiswa-ijazah pertama bidang keagamaan (Indonesia), bantuan dermasiswa- ijazah pertama bidang perubatan (Indonesia), bantuan dermasiswa- ijazah pertama bidang keagamaan (Morocco), bantuan dermasiswa- politeknik, UiTM (Diploma), bantuan dermasiswa-ILD, IKMAS (Sijil), bantuan dermasiswa-ILD, IKMAS (Diploma), bantuan dermasiswa-IDIP, PERKIM (Sijil), bantuan dermasiswa-IDIP, PERKIM (Diploma), bantuan khas pendidikan, bantuan bayaran kelas tuisyen, bantuan seminar motivasi pelajar dan bantuan insentif/anugerah pelajar cemerlang.	Fakir dan Miskin, <i>Fisabilillah</i>
13	Perak	Skim Pembangunan Pendidikan	Fakir dan Miskin
14	Pahang	Bantuan pendidikan sempurna anak asnaf fakir	Fakir dan Miskin

Berdasarkan kepada perbincangan dan penelitian yang telah dibuat, dapatlah dirumuskan bahawa institusi zakat di Malaysia memainkan peranan yang sangat penting dalam memacu kegemilangan pendidikan golongan asnaf fakir di Malaysia menerusi kepelbagaian bentuk, skim dan bantuan zakat pendidikan yang telah disediakan kepada golongan asnaf sama ada di peringkat sekolah rendah, menengah dan pengajian tinggi.

### *3.2. Peranan Zakat Pendidikan Kepada Golongan Asnaf di Malaysia*

Zakat pendidikan memainkan peranan yang sangat penting kepada golongan asnaf di Malaysia sama ada bagi golongan asnaf di peringkat sekolah rendah, menengah dan pengajian tinggi awam dan swasta. Peranan zakat pendidikan ini dapat diringkaskan seperti di bawah.

#### *3.2.1. Zakat Membantu Mengatasi Masalah Keciciran Pelajaran*

Keciciran dalam pelajaran atau pendidikan bermaksud seseorang yang tidak dapat meneruskan persekolahan. Masalah kecaciran dalam pelajaran ini seringkali dibincangkan dengan serius terutamanya sejak tahun 1960an dan perbincangan serius ini telah membawa kepada pembentangan Laporan Murad 1972. Menurut kajian, 40% pelajar sekolah di Malaysia mengalami kecaciran pelajaran. Manakala 35% pelajar sekolah yang berada di antara Tingkatan Satu hingga Tingkatan Tiga, tercicir dalam persekolahan (Murad Mohd Noor, 1973).

Laporan ini menyimpulkan bahawa anak-anak yang berasal daripada keluarga yang berpendapatan rendah sering tercicir dalam pelajaran kerana ibu bapa tidak mampu untuk menyekolahkan anak-anak mereka. Taraf kelulusan ibu bapa yang rendah turut mempengaruhi kesedaran mereka mengenai kepentingan pendidikan dalam kalangan anak-anak (Zakiyyah Jamaluddin, 2011). Berdasarkan Laporan Murad, antara faktor kecaciran dalam pendidikan ialah status sosio ekonomi (taraf pekerjaan ibu bapa dan taraf kelulusan ibu bapa), pendidikan dan pekerjaan, sikap guru terhadap pelajar, sikap terhadap subjek sains dan jarak ke sekolah.

Kerajaan Malaysia telah memberikan peruntukan yang besar dalam pendidikan dari tahun ke tahun. Sebagai contoh, kerajaan Malaysia telah memperuntukkan sebanyak 36 billion pada tahun 2012 dan 38.7 billion pada tahun 2013. Jumlah peruntukan ini dilihat terus meningkat terutamanya pada tahun 2014 ini iaitu sebanyak 54.6 billion kepada Kementerian Pendidikan. Ini membuktikan bahawa pendidikan menjadi sandaran utama dalam membangunkan negara (Bernama, 2013). Walaupun kerajaan telah memperuntukkan dana yang besar dalam pendidikan rakyat Malaysia, tetapi ia tidak memfokuskan kepada golongan asnaf yang seharusnya lebih diberi perhatian supaya mereka dapat keluar dari kepompong kemiskinan dan merubah kehidupan yang lebih baik.

Justeru itu, dana zakat pendidikan turut membantu kerajaan Malaysia dalam menangani masalah pendidikan di kalangan fakir dan miskin. Sebagai contoh, sebanyak RM 35,545,304.00 telah diperuntukkan dan dibelanjakan pada tahun 2012 oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan kepada seramai 28,696 orang penerima (Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2014). Manakala di negeri Johor, sebanyak RM11,250,000.00 dana zakat pendidikan diberikan kepada 3087 orang pelajar. Ini jelas menunjukkan bahawa dana zakat turut memperuntukkan dana yang sangat besar dalam pendidikan negara (Majlis Agama Islam Johor (MAIJ), 2014).

#### *3.2.2. Zakat Pendidikan Senjata Pembasmian Kemiskinan Jangka Masa Panjang*

Agenda pembasmian kemiskinan telah menjadi agenda nasional dan pihak kerajaan sendiri telah melakukan pelbagai program pembasmian kemiskinan melalui pelbagai agensisejak merdeka lagi seperti rancangan FELDA, FELCRA dan sebagainya. Terdapat program pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan oleh agensi kerajaan berjaya mencapaimatlamatnya dan ada sebahagiannya kurang mencapai matlamatnya ekoran pelbagai masalah dan cabaran yang dihadapi oleh agensi berkaitan sama ada dari segi permasalahan golongan sasaran mahupun keberkesanan program tersebut.



Pendidikan merupakan tiket penting dalam mengubah kehidupan golongan asnaf terutama di kalangan fakir dan miskin. Pendidikan dan pembelajaran yang berterusan di setiap peringkat sekolah rendah, menengah, pengajian tinggi sehingga berjaya dapat membuka peluang pekerjaan yang cerah dan menjamin masa depan yang baik. Kerjaya yang basik hasil daripada pendidikan yang berterusan dapat mengeluarkan golongan asnaf fakir daripada kepompong kefakiran dan kemiskinan. Di samping itu kelulusan yang baik di peringkat pengajian tinggi dapat menjamin kerjaya yang baik dan menangani masalah pengangguran dikalangan remaja.

### *3.2.3. Zakat Pendidikan Pencetus Anjakan Paradigma*

Bantuan zakat pendidikan dapat menyuntik kesedaran dan semangat ingin berjaya setelah melihat asnaf fakir lain yang berjaya keluar daripada belenggu kefakiran dan kesusahan hidup. Bantuan zakat pendidikan seharusnya dapat mengubah mentaliti dan persepsi golongan fakir untuk tidak terus mewarisi kehidupan sebagai fakir kepada generasi yang seterusnya. Asnaf fakir yang berjaya menjadi model dan sumber ikutan yang berkesan kepada asnaf fakir yang lain dalam memberi kesedaran untuk mendapatkan kehidupan yang lebih baik. Di samping itu, asnaf fakir perlu memanfaatkan bantuan yang diberikan dan tidak mensia-siakan peluang yang ada sebaliknya membuktikan kepada masyarakat yang mereka juga layak dan berhak untuk berubah dan berjaya.

### *3.3. Cabaran Pengagihan Zakat Pendidikan Kepada Golongan Asnaf di Malaysia*

Terdapat beberapa cabaran yang dihadapi oleh institusi zakat dalam menguruskan dana zakat yang meliputi proses kutipan dan agihan dana zakat. Menurut kajian Abd Halim dan Mohd Saladin (2011) yang bertajuk 'Pengurusan Agihan Zakat', ia menerangkan kaedah yang dilaksanakan dalam mengelola dana zakat yang telah dikumpul supaya dapat diagihkan kepada asnaf yang berhak. Memandangkan peningkatan prestasi kutipan zakat semakin meningkat maka pengagihan seharusnya meningkat sama supaya dapat mengurangkan bilangan yang tidak berkemampuan. Kajian ini mendapati bentuk bantuan kepada asnaf perlu dimantapkan lagi terutamanya dari segi pengagihan pendidikan. Ini kerana bantuan berterusan dari segi pendidikan kepada golongan asnaf sehingga mereka berjaya adalah sangat penting, ia dapat mengubah kehidupan dan meningkatkan lagi ekonomi negara.

Manakala kajian oleh Azman Ab. Rahman dan Ahmad Wifaq Makhtar (2011) yang bertajuk 'Kelayakan dan Kedudukan Pelajar sebagai Penerima Zakat Menurut Perspektif Islam' dalam Jurnal Pengurusan Jawhar, Jabatan Wakaf, Zakat & Haji, Jabatan Perdana Menteri. Kajian ini telah membincangkan tentang hukum pengagihan zakat kepada pelajar berdasarkan pandangan ulama dulu dan kini. Kajian ini mendapati wujud dakwaan daripada pelajar yang menyatakan kesukaran dalam mendapatkan bantuan zakat dari institusi yang berkaitan. Kajian juga mendapati antara faktor yang menyebabkan pelajar tidak dapat biasiswa zakat kerana tidak memenuhi syarat kelayakan yang perlu dipenuhi sebelum membuat permohonan.

Permasalahan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar dari golongan fakir miskin di negeri Selangor, khususnya di daerah Sabak Bernam menunjukkan pelajar-pelajar fakir miskin dalam kajian ini mempamerkan aspirasi yang sihat, serta nilai yang positif walaupun mereka menghadapi masalah kewangan. Aspek yang ketara menjadi penghalang kepada aspirasi pelajar-pelajar miskin ini adalah cara gaya hidup mereka seperti menonton televisyen secara berlebihan, berbual kosong, peruntukan masa yang sangat sedikit bagi mengulangkaji, menyiapkan kerja rumah, ataupun membaca bacaan berunsur akademik, kerohanian, dan pengetahuan am (Abd Halim Tamuri et. al, 2005).

Antara cabaran-cabaran yang dikenalpasti oleh institusi zakat dalam mengagihkan dana zakat pendidikan adalah diringkaskan seperti di bawah (Ahmad Shahir Makhtar et. al., 2010):

- 1) Kesulitan dalam penentuan fakir atau miskin. Walaupun menggunakan garis panduan, masih terdapat keraguan dalam penerimaan maklumat. Sebagai contoh pemohon yang melepasi Had Kifayah tetapi masih dalam keadaan susah.
- 2) Terdapat anak-anak asnaf yang mengharapkan semata-mata bantuan kewangan tanpa mahu berusaha belajar dengan bersungguh-sungguh serta mengubah kehidupan kerana telah terbiasa dan bergantung sepenuhnya kepada bantuan zakat seperti mana ibu bapa mereka bergantung harap pada bantuan zakat.
- 3) Terdapat asnaf yang tidak memanfaatkan bantuan yang diberi dengan sewajarnya dengan menggunakannya kepada perkara-perkara yang tidak berfaedah seperti bantuan yuran persekolahan dan alatan persekolahan. Masih ada dikalangan anak asnaf yang ponteng ke sekolah walaupun yuran persekolahan, pakaian dan kasut sekolah telah diberikan.
- 4) Sebahagian ibu bapa yang tergolong dalam asnaf ini tidak memberi perhatian kepada anak-anak mereka yang telah diberi bantuan pendidikan seperti tidak menggalakkan anak-anak supaya berusaha sehingga berjaya dalam pelajaran seterusnya mendapatkan peluang pekerjaan yang baik yang mampu merubah kehidupan mereka. Malahan ada ibu bapa yang langsung tidak ambil peduli akan prestasi dan pencapaian anak-anak di sekolah.
- 5) Terdapat pemohon bantuan zakat pendidikan yang tidak bersikap jujur dan benar dalam melaporkan maklumat yang diberikan menyebabkan permohonan ditolak selepas siasatan yang dijalankan ataupun pemohon tidak melengkapkan borang dan dokumen seperti yang diminta.

#### *3.4 Cadangan Penambahbaikan Bagi Memantapkan Peranan dan Menghadapi Cabaran Masa Kini*

Beberapa cadangan bagi penambahbaikan dan juga usaha dalam menghadapi cabaran-cabaran masa kini menuntut kerjasama dan usaha semua pihak agar peranan sebenar zakat pendidikan dapat dicapai dengan optimum. Antara cadangan bagi penambahbaikan adalah:

- 1) Peranan institusi zakat perlu ditingkatkan dengan mengambil pendekatan turun padang atau keluar kepada masyarakat. Pegawai zakat perlu lebih proaktif dalam menyediakan khidmat kepada masyarakat awam selain menggunakan kaedah media massa dan elektronik. Kadangkala, maklumat di laman sesawang berkenaan zakat dan cara permohonan terlalu ringkas dan ada sesetengah laman sesawang hanya menyediakan senarai nama bantuan sahaja tanpa memberikan panduan yang jelas. Di sinilah pegawai zakat memainkan peranan dalam memberikan penerangan yang jelas dan tepat kepada masyarakat melalui penganjuran program-program bersama institusi zakat dengan skala yang berterusan.

Antara program yang sedang giat dijalankan dan perlu diteruskan dengan gigih oleh institusi zakat khususnya oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) ialah dengan menjayakan program seperti di bawah.

##### a) Dakwah Agihan

Dakwah agihan zakat ini dilaksanakan dengan membuka kaunter mini pada setiap hari Rabu minggu kedua setiap bulan di beberapa lokasi di Selangor. Dakwah zakat ini membolehkan penduduk untuk membuat pertanyaan, permohonan agihan zakat, kaunseling dan perkara lain yang berkaitan dengan zakat. Masyarakat



khususnya ibu bapa dan anak-anak yang ingin meneruskan persekolahan boleh mendapatkan maklumat di kaunter mini yang dibuka.

b) Kaunter Bergerak LZS

Kaunter bergerak LZS ini menggunakan sebuah lori kontena yang telah diubahsuai dengan menyediakan kaunter, kerusi, TV LCD skrin dan ruangan yang cukup selesa bagi melakukan sebarang urusan berkaitan zakat. Tujuan diadakan kaunter bergerak ini adalah untuk membantu proses kutipan dan agihan zakat khususnya melibatkan kawasan yang menjadi tumpuan orang ramai. Dengan adanya kaunter bergerak ini ia dapat memudahkan lagi orang ramai untuk berurusan dengan kutipan mahupun permohonan bantuan. Antara perkhidmatan yang disediakan di kaunter ini termasuklah pembayaran zakat, permohonan bantuan zakat, taksiran zakat dan khidmat nasihat. Selepas perasmian pada awal tahun 2011 sehingga kini, kaunter bergerak ini telah beroperasi di lokasi-lokasi terpilih di seluruh Selangor melalui program-program, forum perdana, karnival dan banyak lagi.

c) Program Jejak Kemiskinan

Program jejak kemiskinan merupakan satu program yang dilaksanakan bagi mencari dan menjejak fakir dan miskin melalui kaedah bancian, pengiraan haddul kifayah dan penentuan fakir miskin. Program ini dijayakan oleh beberapa sukarelawan facebook LZS yang berdaftar bersama-sama pegawai agihan zakat di beberapa lokasi di Selangor bagi mengenalpasti masyarakat yang tergolong dalam golongan asnaf seterusnya menerangkan tentang bantuan zakat yang layak dan berhak diterima oleh mereka bagi meringankan beban mereka sebagai golongan asnaf.

- 2) Kaunter zakat IPTA/S perlu memainkan peranan dalam memberi penerangan kepada pelajar tentang bagaimana untuk memohon, memberikan borang serta syarat kelayakan permohonan. Kaunter zakat IPTA/S perlu berperanan sebagai pemudahcara bagi pelajar dalam mendapatkan bantuan pendidikan di peringkat pengajian tinggi. Seterusnya menyediakan aktiviti susulan seperti motivasi dan kaunseling bagi menjamin prestasi dan semangat untuk terus belajar sentiasa meningkat sehingga tamatnya pengajian.
- 3) Program motivasi tidak tertumpu hanya kepada pelajar asnaf, malah program motivasi dan kempen kesedaran pendidikan perlu diterapkan di kalangan ibu bapa demi menjamin pesekitaran yang sihat bagi menggalakkan suasana gigih dan berusaha dalam pelajaran.

#### 4. Kesimpulan

Penyelidik di akhir kajian ini mendapati bahawa beberapa usaha telah giat dijalankan oleh institusi zakat dalam menyalurkan bantuan zakat kepada golongan asnaf dan usaha seperti ini harus diberikan pujian. Walaubagaimanapun, institusi zakat perlu memainkan peranan dengan lebih proaktif dari semasa ke semasa bagi menjamin skim dan bantuan zakat pendidikan ini sampai kepada mereka yang layak menerimanya dan memerlukannya memandangkan zakat pendidikan memainkan peranan penting dalam pendidikan asnaf melalui kepelbagaian skim dan bentuk bantuan pendidikan.

#### Rujukan

Al-Quran

Ab. Halim Tamuri, Zuria Mahmud dan Safani Bari, 2005, 'Permasalahan Pelajar-pelajar Fakir Miskin di Daerah Sabak Bernam', Jurnal Pendidikan

- Ab Rahman, Azman dan Makhtar, Ahmad Wifaq. (2011). 'Kelayakan dan Kedudukan Pelajar sebagai Penerima Zakat Menurut Perspektif Islam', *Jurnal Pengurusan Jawhar*, Jabatan Wakaf, Zakat & Haji, Jabatan Perdana Menteri.
- Abd Halim & Mohd Saladin.(2011). 'Pengurusan Agihan Zakat', *Fiqh Zakat Malaysia*. Institut Kajian Zakat Malaysia (IKaZ), Pusat Penerbitan Universiti (UPENA).
- Ahmad Shahir Makhtar et. al. (2010). Pengurusan Zakat di Negeri Selangor : Isu dan Cabaran. Dibentang kan di Konvensyen Kebangsaan Perancangan & Pengurusan Harta Dalam Islam 2010 di Bilik Senat, Bangunan Canselori, UKM pada 14 Julai 2010.
- Buku Panduan Skim Agihan Bantuan Zakat, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu. <http://maidam.terengganu.gov.my/>
- Dasar Agihan Zakat Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan,1994.
- Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. [http://www.e-maik.my/public\\_new/index.php](http://www.e-maik.my/public_new/index.php)
- Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis. <http://maip.perlis.gov.my/>
- Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak. <http://www.maiamp.gov.my/>
- Majlis Agama Islam Negeri Johor. <http://www.maij.gov.my/>
- Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. <http://www.zakat.com.my/>
- Merriam, S.B. & Associates. (2002). *Qualitative Research in Practice: Examples for Discussion and Analysis*, 2002.
- Muhammad Ramzi Omar. (2004). *Zakat Menurut Empat Mazhab*. Pustaka Ilmi. Cet. Pertama. Pulau Pinang memberi pembiayaan di dalam pendidikan dalam sudut Persekolahan, Pakaian Seragam, Permulaan ke IPT ( Dalam & Luar Negara ), Biasiswa Kecil Sekolah Agama Rakyat dan Khusus Kecemerlangan Minda.
- Murad Mohd Noor. (1973). Laporan Jawatankuasa di atas Kajian Pendapat Mengenai Pelajaran dan Masyarakat (Laporan Keciciran). Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran dan Jabatan Perangkaan.
- Pusat Kutipan Zakat Negeri Pahang. <http://www.zakatpahang.my/v2/default.aspx>
- Pusat Pungutan Zakat Negeri Sembilan (PPZNS). [www.zakatns.com.my](http://www.zakatns.com.my)
- Pusat Urus Zakat Pulau Pinang. <http://www.zakatpenang.com/>
- Pusat Zakat Melaka. <http://www.izakat.com/>
- Pusat Zakat Sabah. <http://www.zakat.sabah.gov.my/>
- Sinar Harian, 28 Februari 2013). Tidak mampu bayar yuran, anak terpaksa berhenti sekolah Skim Bantuan, Jabatan Zakat Negeri Kedah Darul Aman. <http://www.zakatkedah.com/index.php>
- Tabung Baitulmal Majlis Islam Sarawak. <http://www.tabung-baitulmal-sarawak.org.my/zakatharta.html>
- Zakiyah Jamaluddin. (2011). Kemiskinan dan Keciciran Dalam Pendidikan. *Jurnal Kebajikan Masyarakat*. Vol. 37. Jun 2011. <http://www.jkm.gov.my/images/stories/pdf/jurnalkebijakanmasyarakatVol37Jun2012.pdf>